

## **KEUSAHAWANAN SOSIAL INSTITUSI MASJID PEMANGKIN MODAL INSAN BERKUALITI**

### ***SOCIAL ENTREPRENEURSHIP OF MOSQUE INSTITUTION: THE MEDIUM OF HUMAN CAPITAL ENHANCEMENT***

**Mohd Ikhmal bin Fadzil<sup>1</sup>**

Fakulti Perniagaan dan Perakaunan,  
Kolej SEGI Pulau Pinang (SCPG), Malaysia.  
(Email: [ikhmalfadzil@segi.edu.my](mailto:ikhmalfadzil@segi.edu.my))

**Mohd Ainuddin Iskandar Lee<sup>2</sup>**

Pusat Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.  
(Email: [ainuddin@uum.edu.my](mailto:ainuddin@uum.edu.my))

**Kamarul Azman bin Khamis<sup>3</sup>**

Pusat Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.  
(Email: [kazman@uum.edu.my](mailto:kazman@uum.edu.my))

***Received date:*** 03-05-2019

***Revised date:*** 28-05-2019

***Accepted date:*** 15-07-2019

***Published date:*** 11-09-2019

***To cite this document:*** Fadzil, M. I., Lee, M. A. I., & Khamis, K. A. (2019). Keusahawanan Sosial Institusi Masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 01-10.

**DOI:** 10.35631/IJMTSS.29001

---

**Abstrak:** Keusahawanan sosial menggabungkan semangat misi sosial dengan imej perniagaan seperti disiplin, inovasi dan penentuan. Selain itu, keusahawanan sosial menggunakan pendekatan keusahawanan untuk membongkar masalah sosial dan menanganinya dengan cara yang mendatangkan kemenangan kepada kedua-dua pihak. Bidang keusahawanan juga merupakan satu ibadah dan ia mampu menarik lebih ramai ahli masyarakat memakmurkan diri dengan masjid. Kewujudan pusat aktiviti ekonomi di perkarangan masjid memberi nafas baru. Institusi masjid dapat diperkukuhkan lagi peranannya dengan mewujudkan aktiviti bernilai keusahawanan bagi menjana ekonomi masjid di samping membantu kembali institusi masjid dalam melaksanakan program-program berkesan untuk pengimarahannya melalui dana daripada aktiviti keusahawanan sosial. Penulisan konseptual ini mendapati terdapat beberapa permasalahan yang wujud dalam institusi masjid. Antara permasalahan utama yang digariskan dalam pelan strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang adalah pengurusan institusi masjid yang tidak efisien yang memberi gambaran kurang baik kepada pihak pengurusan Institusi Islam dan masalah jumlah pengimarahannya masjid. Objektif kajian ini adalah untuk menilai peranan pengurusan institusi masjid di Seberang Perai Utara dalam menjayakan keusahawanan sosial untuk menangani persepsi negatif terhadap pihak pengurusan masjid dan menentukan program-

program keusahawanan sosial terbaik bagi institusi masjid dalam meningkatkan jumlah pengimarahannya. Usaha murni institusi masjid dalam membangunkan keusahawanan sosial mampu menaikkan imej positif bukan sahaja kepada pihak pentadbiran masjid malahan pihak pentadbir hal ehwal Islam di negeri Pulau Pinang. Dengan adanya kajian menyeluruh bagi mengenalpasti peranan pengurusan masjid yang terbaik dan program keusahawanan sosial yang terbaik maka ianya dapat digunapakai oleh institusi masjid bagi menambah pendapatan sekaligus meningkatkan capaian modal insan melalui pengimarahannya secara menyeluruh.

**Kata Kunci:** Keusahawanan, Keusahawanan Sosial, Institusi Masjid, Modal Insan, Pengurusan

**Abstract:** *Social entrepreneurship combines the spirit of social mission with business images such as discipline, innovation and determination. In addition, social entrepreneurship employs an entrepreneurial approach to unraveling social issues and tackles them in a way that brings positive impact to both parties. The area of entrepreneurship is also a way of worship and it is able to attract more members of society to the mosque. Mosque institutions can be further reinforced by creating entrepreneurial activities to generate positive economy as well as assisting the institution of mosques in implementing effective programs for the mosques through funds from social entrepreneurial activities. This conceptual writing finds that there are some problems that exist in mosque institutions. Among the major issues outlined in the strategic plan of the Penang Islamic Affairs Department is the inefficient institutional management of the mosque which illustrates the lack of Islamic management and the problem of attracting target members of society to the mosques. The objective of this study is to evaluate the role of mosque institution management in Seberang Perai Utara by using effective social entrepreneurship platform to address the negative perceptions of the mosque management and to determine the best social entrepreneurship programs for mosque institutions in increasing the number of members of society to the mosque institutions. This study will use qualitative method to obtain and analyze data in order to prove the objectives of this study. Social entrepreneurship is capable of raising positive images not only to the administration of the mosque but also the administration of Islamic affairs in the state of Penang. This comprehensive study to identify the best mosque management role and best social entrepreneurship program can be used by mosque institutions to increase income as well as enhance human capital reach through overall mosque administration.*

**Keywords:** *Entrepreneurship, Social Entrepreneurship, Mosque Management, Mosque Institution, Human Capital*

---

## **Pengenalan**

Masjid merupakan institusi yang dekat dengan umat Islam sebagai pusat kegiatan dan pentadbiran kehidupan. Perpaduan umat Islam bermula daripada institusi masjid. Seiring dengan peranannya, masjid muncul sebagai pusat perpaduan dan tumpuan kehidupan masyarakat Islam setempat.

Menurut Ahmad Fauzi M.S. dan Muhammad Yusuf Marlon A. (2016) menyatakan bahawa terdapat pengurusan masjid yang hanya menjurus aktiviti berbentuk keagamaan semata-mata. Justeru pandangan sebegini perlulah diubah agar peranan masjid dapat dilihat dari perspektif yang lebih luas. Transformasi kepimpinan masjid perlu untuk pemerkasaan fungsi masjid.

Kualiti kepimpinan masjid perlu dipertingkatkan kerana ia adalah nadi penting melahirkan modal insan yang cemerlang.

Institusi masjid boleh menjana aktiviti ekonomi dan keusahawanan dengan menyediakan ruang kedai atau tapak bazar di luar masjid bagi usahawan yang berminat menjual barangan keperluan masyarakat Islam (Nor Azlina A.W., Norafifah A.H., dan Norajila C.M., 2016) . Menurut Amran (2009) bahawa budaya menerima sumbangan derma perlulah seiring dengan garapan pelbagai aktiviti ekonomi yang berteraskan keusahawanan.

Keusahawanan sosial telah bermula sejak puluhan tahun dahulu lagi. Namun masih ramai yang merasakan keusahawanan sosial ini merupakan satu fenomena baru. Dalam menguruskan perniagaan kadangkala kita bertindak sebagai seorang yang menjalankan aktiviti keusahawanan sosial, biarpun kita tidak mengatakan sedemikian.

Menurut Dees (2001) dalam artikel yang ditulis oleh Muhamad Yusof (2012) menyatakan bahawa keusahawanan sosial menggabungkan semangat misi sosial dengan imej perniagaan seperti disiplin, inovasi dan penentuan. Selain itu, keusahawanan sosial menggunakan pendekatan keusahawanan untuk membongkar masalah sosial dan menanganinya dengan cara yang mendatangkan kemenangan kepada kedua-dua pihak.

### **Pernyataan Masalah**

Pada masa kini, masjid didapati ketinggalan berbanding institusi yang lain dari aspek pentadbiran dan pengurusan pembangunan komuniti masyarakat setempat. Abd. Aziz Harjin et. al (2002) dalam artikel tulisan Muhammad Sabri (2018) menerangkan bahawa institusi masjid tidak diberi petunjuk dengan suatu bentuk sistem pentadbiran dan pengurusan yang teratur dan bersistematik. Sistem pentadbiran dan pengurusan masjid yang berkesan perlu diwujudkan bagi menaikkan kembali peranan institusi masjid sebagai pusat kegiatan ilmu, kegiatan ekonomi, dakwah, bimbingan, ukhuwah, penyatuan ummah dan sebagainya.

Selain itu juga, kajian Roslan Mohamed (2008) turut menyokong pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa terdapat bermacam-macam kekurangan dalam pengurusan dan pentadbiran institusi masjid kerana institusi masjid itu sendiri perlu diurus secara korporat dan professional seiring dengan peredaran masa. Bagi memperkukuhkan institusi masjid supaya menjadi sebuah institusi yang dihormati dan profesional, pihak yang berkenaan perlu memberi peluang kepada pegawai-pegawai institusi masjid yang dilantik menghadiri latihan pengurusan dan pentadbiran sebagai panduan tambahan selain daripada pengetahuan agama yang mencukupi (Ifwan Tun Tuah, 2013). Tambahan pula, fungsi masjid juga boleh diperkukuhkan lagi dengan adanya penglibatan dari golongan profesional. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Roslan Mohamed (2008) yang menyatakan bahawa masjid pada masa kini perlu diuruskan oleh individu berlatarbelakang profesional dalam bidang pengurusan dan juga agama Islam.

Pada masa kini bilangan masjid mengalami peningkatan yang mendadak berikutan daripada pertambahan jumlah penduduk, pembukaan kawasan perumahan baru, pembukaan kawasan perindustrian dan sebagainya. Dianggarkan sebanyak 6,365 buah masjid dan 17,771 buah surau yang berdaftar dengan JAKIM di Malaysia dicatatkan sehingga kini (JAKIM, 2015). Tidak dinafikan bahawa kebanyakan masjid baru yang dibina cantik dan tersergam indah tetapi mempunyai masalah yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan masjid.

Hal ini berlaku disebabkan oleh sesetengah masjid tidak diperkenalkan dengan suatu sistem pentadbiran dan pengurusan yang sistematik dan garis panduan yang efisien untuk menarik minat orang ramai hadir ke masjid. Isu pengurusan masjid yang lemah ini turut diulas oleh Roslan Mohamed (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan masjid telah hilang tarikannya dan telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah semata dimana kurangnya aktiviti yang boleh menarik minat masyarakat setempat ke masjid.

Berdasarkan pelan strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) 2016 – 2020 telah menggariskan enam isu dan cabaran utama dalam menguruskan hal ehwal agama Islam. Salah satu isu utama adalah langkah yang perlu diambil bagi menangani *persepsi negatif terhadap pihak pengurusan hal ehwal Islam iaitu antaranya termasuklah pengurusan masjid.*

Permasalahan dalam aspek *pengimarahannya masjid menerusi program yang berkualiti turut ditekankan dalam pelan strategik JHEAIPP 2016-2020.* Institusi masjid memerlukan inisiatif khusus bagi memantapkan lagi program pengimarahannya masjid yang pelbagai dan menyeluruh kepada segenap lapisan masyarakat seperti program perkongsian pintar dengan pelbagai agensi bagi menganjurkan aktiviti keusahawanan sekaligus menyemarakkan lagi program pengimarahannya masjid dan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ummah.

### **Persoalan Kajian**

- i. Apakah peranan efektif pengurusan institusi masjid dalam menjayakan aktiviti keusahawanan sosial untuk menangani persepsi negatif terhadap pihak pengurusan masjid?
- ii. Apakah program-program keusahawanan sosial yang berjaya dilaksanakan institusi masjid dalam meningkatkan jumlah pengimarahannya institusi masjid?

### **Objektif Kajian**

- i. Menilai peranan pengurusan institusi masjid di Seberang Perai Utara dalam menjayakan keusahawanan sosial untuk menangani persepsi negatif terhadap pihak pengurusan masjid.
- ii. Menentukan program-program keusahawanan sosial terbaik bagi institusi masjid dalam meningkatkan jumlah pengimarahannya institusi masjid.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting dalam memberi garis panduan kepada institusi masjid akan peranan terbaik pihak pengurusan masjid dan aktiviti terbaik keusahawanan sosial kepada institusi masjid sekaligus menjadi pemangkin modal insan berkualiti.

Namun peranan secara praktikalnya memerlukan setiap kepimpinan institusi masjid mempunyai kemahiran, latihan dan kesungguhan dalam bidang keusahawanan sosial agar dapat merangka program serta aktiviti berbentuk keusahawanan sosial yang menjadi nilai tambah kepada sumber pendapatan masjid.

### **Skop Kajian**

Kajian ini melibatkan dua buah masjid di daerah Seberang Perai Utara yang aktif dalam pembangunan keusahawanan sosial melalui program masjid yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang iaitu Masjid At Taqwa Bertam dan Masjid Abdullah Fahim.

## **Kajian Literatur**

### ***Definisi Institusi Masjid***

Terdapat beberapa tafsiran berkenaan masjid. Masjid secara maknawi didefinisikan sebagai erti khudu' yang membawa maksud tunduk dan merendah diri. Ibn Manzur memberi makna masjid sebagai sujud padanya atau di dalamnya. (Jamal al-Din Muhammad bin Makram Ibn Manzur al Afriqi,1990).

Pengertian masjid dalam Islam bukan sekadar tempat mendirikan solat sahaja bahkan masjid menurut pandangan Islam mempunyai maksud dan tujuan yang lebih luas. Ia bukan sahaja tempat ibadat, tetapi juga sebagai tempat untuk menyelesaikan urusan keagamaan dan keduniaan bagi umat Islam.

Memakmurkan masjid masjid menurut pandangan Yusuf Al-Qardawi ialah mendirikan sembahyang di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarnya (Yusof Al Qardawi, 1990)

### ***Peranan Masjid***

Masjid merupakan satu institusi yang amat penting dalam perkembangan masyarakat. Peranan masjid bukan sekadar tempat mendapatkan ilmu dalam ruang lingkup keimanan semata-mata tetapi juga merupakan platform pembangunan social dan ketamadunan masyarakat.

Kini terdapat lebih kurang 5490 buah masjid di seluruh negara samada kedudukannya sebagai masjid negara, masjid negeri, masjid jamek daerah, masjid institusi, masjid kariah, masjid mukim atau surau Jumaat. Jika diteliti aspek peruntukan dana bagi tujuan pembinaan dan membaik pulih masjid, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM71 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Berasaskan kenyataan tersebut membuktikan bahawa betapa luas dan pentingnya peranan institusi masjid dalam konteks pembangunan Insan yang memerlukan perancangan serta pengurusan masjid yang sistematik dan professional. (Roslan Mohamed 228:4-5)

Isu penting yang dibahas dalam penulisan Ahmad Fauzi M.S. dan Muhammad Yusuf M.A. (2016) menyatakan bahawa Masjid hanya dilihat tempat melakukan ibadat khusus, tempat kenduri dan majlis akad nikah semata-mata. Dalam masa yang sama, masjid juga kurang tarikan kepada golongan belia mengimarahkannya. Kegiatan yang bersifat ekonomi kurang diberi perhatian untuk diadakan di persekitaran masjid.

Di sini menunjukkan perlunya satu bentuk pengurusan serta kepimpinan bersifat professional yang memiliki kredibiliti yang mampu mengimarahkan masjid dengan program yang sistematik.

### ***Pengurusan Masjid yang Efisien***

Hasil dapatan kajian Muhamad Faisal A. dan Firdaus M. (2018) mendapati bahawa soalan yang dikemukakan kepada informan berkaitan faktor pengurusan pentadbiran masjid yang tidak cekap dan pengurusan kewangan yang lemah menyumbang kepada kemerosotan kehadiran ke masjid. Hasil temu bual mendapati sembilan daripada sepuluh (9/10) informan bersetuju bahawa kelemahan aspek pengurusan pihak masjid merupakan antara faktor yang

mempengaruhi kehadiran masyarakat ke masjid. Aspek pengurusan yang lemah ini merangkumi empat aspek iaitu kelemahan mengurus konflik organisasi, pengurusan masjid yang tidak mengambil berat soal pengimarah berbanding pembangunan fizikal, campur tangan politik dan kelemahan pengurusan aktiviti.

Salah seorang informan menyatakan bahawa kelemahan pihak masjid dalam pengurusan disebabkan oleh jawatankuasa yang dilantik lebih mementingkan pembangunan fizikal masjid berbanding pengimarahannya. Pihak masjid juga tidak menitikberatkan hal ehwal perkembangan ilmu, kuliah dan ceramah yang kurang berkualiti dan sebagainya. Kenyataan ini bertepatan dengan kenyataan oleh Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (1997) yang menyatakan aspek pengimarah diabaikan apabila pihak pengurusan terlalu tertumpu kepada pembangunan fizikal institusi masjid. Sebaliknya, pihak pengurusan institusi masjid perlu seiring dalam menjalankan aktiviti pengimarah dan pembangunan fizikal institusi masjid.

### ***Keusahawanan Sosial***

Konsep keusahawanan sosial sudah pun lama wujud tetapi baru menerima perhatian dan menjadi fenomena global.

Terminologi keusahawanan sosial sudah dimulakan buat pertama kalinya dalam penulisan pada dekad 60-an dan 70-an dan mula digunakan secara meluas pada era 80-an dan 90-an oleh Bill Drayton (pengasas Yayasan Ashoka). Jika pernyataan sebelumnya diterima, konsep ini lahir daripada peradaban Barat dan kemudiannya berkembang ke Timur.

Antara contoh NGO terkenal yang dikaitkan dengankonsep keusahawanan sosial ialah Grameen Bank (Bangladesh), SIX-S (Afika Barat), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dan Klinik Waqaf al-Nur (Malaysia).

Kesemua badan/NGO diusahakan oleh para aktivis sosial yang inovatif untuk membawa perubahan sosial dan impak sosial melalui penggabungan pendekatan amalan perniagaan, kerja sosial dan kebajikan (Nicholls, 2008). Justeru, ia adalah konsep hybrid yang menggabungkan konsep keusahawanan dan sosial.

Berikut merupakan beberapa definisi berkenaan keusahawanan sosial yang dipetik daripada beberapa artikel terdahulu.

a) Keusahawanan sosial merupakan perniagaan yang memberi keutamaan kepada objektif sosial iaitu lebihan keuntungan yang diperolehi akan dilaburkan semula dalam perniagaan untuk kepentingan masyarakat berbanding kepada memaksimumkan keuntungan kepada pemegang taruh dan pemilik perniagaan (Anthony Sibillin, 2010).

b) Keusahawanan sosial ialah sesuatu usaha yang melibatkan kerjasama seseorang dan organisasi dalam masyarakat sivil dengan menggunakan pendekatan ekonomi bagi menghasilkan suatu nilai sosial menerusi inovasi sosial (Hulgard, 2010).

### ***Keusahawanan Sosial Institusi Masjid***

Menurut Dato Seri Mukhriz Mahathir menyatakan bahawa institusi masjid disaran menceburi bidang keusahawanan. Bidang keusahawanan juga merupakan satu ibadah dan ia mampu menarik lebih ramai ahli masyarakat memakmurkan diri dengan masjid. (Utusan online, 18 Oktober 2009)

Gerai-gerai jualan yang dibangunkan secara teratur atau tapak-tapak jualan memberi peluang kepada mereka yang ingin menceburi perniagaan secara kecil-kecilan. Usaha ini mampu mengangkat martabat masjid bukan sekadar tempat ibadat wajib tetapi juga ibadah lain seperti mendorong pembangunan ekonomi berterusan.(Utusan Online, 17 Jun 2016)

Melalui penyertaan institusi masjid dalam koperasi yang dibentuk, pihak masjid secara teorinya akan memperolehi pendapatan yang lebih baik jika perniagaan yang diceburi koperasi memperolehi keuntungan. Tambahan pula pihak koperasi perlu melantik panel-panel yang berkelayakan bagi menentukan bidang keusahawanan yang mampu membawa keuntungan kepada institusi masjid. (Mohd Yahya et.al , 2015)

Disamping itu juga institusi masjid yang dibentuk melalui koperasi dapat membina lot-lot kedai di perkarangan masjid dan membuka peluang kepada ahli masyarakat bergiat dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, masjid-masjid di Malaysia perlu melakukan perubahan seiring perkembangan masyarakat Islam moden. Kewujudan pusat penginapan muslim di perkarangan masjid memberi nafas baru. Institusi masjid dapat diperkukuhkan lagi peranannya dengan mewujudkan rumah tumpangan (homestay) bagi menjana ekonomi masjid di samping membantu para musafir dan seiring dengan itu dapat memperluas dakwah kepada pelancong (Ahmad Fauzi dan Muhammad Yusuf,2016)

Kewujudan At-Taqwa Inn di Masjid At Taqwa Bertam , Kepala batas, seberang Perai Utara Pulau Pinang boleh dijadikan contoh untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penginapan para pelancong muslim sekaligus memudahkan para musafir untuk beribadah.

Selain itu juga masjid Abdullah Fahim kepala batas, Pulau Pinang telah memperkenalkan aplikasi Masjid Abdullah Fahim atau lebih dikenali dengan aplikasi ‘MAF’ dengan platform android dan IOS mendapat sambutan daripada anak kariah sehingga mencatatkan 1993 orang yang menggunakan aplikasi ini untuk mendapat pelbagai maklumat seperti aktiviti pengimarah masjid, iklan produk ahli kariah, informasi masjid, E-kariah dan saluran untuk sumbangan.

### **Metodologi**

Kajian ini dilaksanakan di Masjid-masjid dalam daerah seberang perai utara iaitu yang berada di kawasan kepala batas Pulau Pinang. Pemilihan masjid-masjid ini di kawasan Seberang Perai Utara dicadangkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan penglibatan masjid-masjid ini dalam aktiviti keusahawanan sosial secara aktif.

Masjid-masjid yang terlibat adalah masjid At-Taqwa Bertam Indah Kepala batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Masjid Abdullah Fahim Bertam Perdana Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Berdasarkan kepada kaedah kajian ini maklumat kajian akan diperolehi melalui dua kaedah utama iaitu temubual penyelidikan lapangan dan kajian perpustakaan.

Kajian ini akan dilaksanakan dengan berasaskan pendekatan kualitatif. Pemilihan ini dibuat kerana penyelidik menyedari kesesuaian antara kepercayaan penyelidik dalam memerhatikan dunia sosial dan kekuatan pendekatan kualitatif untuk memperoleh data bagi mencapai objektif kajian ini.

Secara amnya, pendekatan kualitatif digunapakai bagi membolehkan penyelidik melakukan kajian dengan meneroka setiap objektif kajian dan variabel-variabel kajian dengan bebas tanpa perlu bersandarkan teori atau model. (Mack, et al., 2005).

Selain itu berdasarkan kajian-kajian lepas banyak menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat lebih jelas dan terperinci pada peringkat akar umbi lapangan kajian.

### **Persampelan**

Berkenaan dengan pensampelan kajian, kajian ini telah menggunakan pensampelan jenis bertujuan (purposive sampling). Pensampelan bertujuan telah memperincikan ciri-ciri tertentu untuk membolehkan individu dipilih sebagai sampel kajian (Kothari, 2004). Pensampelan bertujuan dipilih kerana penyelidik telah menyenaraikan ciri-ciri yang khusus sampel kajian ini.

Metodologi kajian mestilah mengandungi penerangan dan huraian tentang rekabentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian. Biasanya metode kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Othman Mohamed menyatakan, metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

#### ***Penyelidikan Perpustakaan***

Kajian perpustakaan dilakukan ialah untuk melihat sejauh mana pengkaji- pengkaji terdahulu telah melakukan penyelidikannya dan melihat apa kekuatan dan apa pula kelemahannya.

Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengetahui apa cara yang perlu diambil bagi menyempurnakan kajian tersebut. Melalui kajian perpustakaan data-data boleh diperoleh melalui buku, jurnal, kertas kerja, laporan bertulis, buletin akhbar, majalah dan lain-lain sumber yang dapat memberi keterangan di dalam mendapatkan bahan dan maklumat yang tepat berhubung dengan tajuk kajian serta kajian dokumentasi.

Dokumentasi ialah suatu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubung dengan kajian yang dilakukan. Dokumen-dokumen yang digunakan meliputi bahan-bahan yang berbentuk lisan seperti surat-surat, catatan harian, laporan bahan kajian dan sebagainya.

Kaedah ini dilakukan melalui pembacaan sambil menganalisis semua dokumen yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Hasil daripada analisis dan penelitian tersebut, data-data serta maklumat akan diolah bersesuaian dengan kehendak matlamat kajian.

#### ***Penyelidikan Lapangan***

Metode kajian lapangan mempunyai berbagai cara bagi mendapatkan maklumat. Metode kajian lapangan juga adalah sebahagian daripada kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat. Menurut Ghazālī Dārussalām dalam sesuatu kajian lapangan lazimnya



mengandungi metode temu bual, metode pemerhatian dan metode soal selidik. kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian akan dianalisis menggunakan cara kualitatif.

### **Kesimpulan**

Sokongan dan dorongan untuk mengembalikan peranan yang lebih banyak kepada institusi masjid perlu digerakkan agar ianya tidak terhad kepada bidang keagamaan semata-mata. Kepimpinan masjid yang profesional dapat dicapai menerusi latihan dan pendedahan pengurusan masjid kepada tadbir urus institusi masjid yang sistematik. Apabila pengurusan institusi masjid dapat mentadbir dengan profesional maka akan memberi impak yang lebih berkesan melalui penganjuran aktiviti-aktiviti keusahawanan sosial yang mampu memberi pulangan yang baik kepada masjid dan menjadi pemangkin kepada modal insan berkualiti khususnya di Pulau Pinang. Selain itu pelbagai aktiviti keusahawanan sosial akan menjadi faktor nilai tambah yang berkesan dalam menjayakan program pengimarahkan masjid secara menyeluruh sebagaimana yang digariskan di dalam pelan strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang berkenaan peranan institusi masjid.

### **Rujukan**

- Abdul Halim Mat Diah. 1987. Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 115.
- Ahmad Fauzi,M.S., & Muhammad Yusuf,M.A. . 2016. Strategi pembangunan ekonomi masjid As Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. Seminar Antarbangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
- Anthony Sibillin. 2010. Social entrepreneurship not socialism. Institute of Public Affairs Review, August 2010. Vol.62. Issue 3, 34-36.
- Arman,Z. . 2009. Mengimarahkan masjid sebagai nadi masyarakat. Diakses daripada: <http://aki2004.wordpress.com/2009/11/20/mengimarahkan-masjid-sebagai-nadi-masyarakat/>
- Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. 2001. Universiti Malaya.
- Ghazālī Dārusalām, Dakwah Islam dan Ideologi Barat (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1998. 13.
- Hulgard, L. 2010. Discourse of Sosial entrepreneurship-Variation of Same Theme. WP. No.10/10. EMES Eropean Research Network.
- Ibnu Manzūr Muhammad Ibnu al-Mukarrām. 1990, Lisān al-‘Arab, Jilīd 4 (Beirut: Dār al Sa’d), 257
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan HairunnizamWahid. 2010. Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM, h. 1-13.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2015. Portal Rasmi Masjid Malaysia. Diambil daripada <http://masjid.islam.gov.my/index.php>
- Mack Abbey, E. 2005. “Constructive regulation of non-governmental organizations”. In: The Quarterly Review Economics and Finance, 1-7.
- Marwan Ismail. 2014. Pembangunan komuniti menerusi keusahawanan sosial : kajian kes mengenai organisasi bukan kerajaan di Malaysia. International Conference on Social Entrepreneurship ICSE 7- 9 Nov 2014.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak,Nurul Fadly Habidin,Syed Ismail Syed Mohamad. 2012. Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII 2012.

- Muhamad Yusof. 2012. Keusahawanan Sosial: Koperasi dan Usahawan. Dimensi Co-op, Maktab Koperasi Malaysia.
- Muhamad Faisal A. dan Firdaus M. 2018. Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang Kehadiran Masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari* 10 (2) (2018) 205-223 [ejournals.ukm.my/jhadhari](http://ejournals.ukm.my/jhadhari). ISSN 1985-6830. eISSN 2550-2271
- Muhammad Sabri, Muhammad. 2018. Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid yang diberi Pengiktirafan Bintang. *International Journal of Business Innovation and Research*. 2. 25-41.
- Nicholls, Alex. 2008. *Social entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. Oxford: University Press.
- Nor Azlina A.W., Norafifah A.H. dan Norajila C.M. 2016. Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. Volume 5, Issue 2, 2016, *e-Academia Journal UiTMT*. Othman Mohamed, Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan. 2001 Selangor: Universiti Putra Malaysia, 26.
- Pelan strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). 2016-2020.
- Roslan Mohamed. 2008. Pemeraksanaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1sted.)*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1-12
- Sartono Kartodirjo. 2012. *Metode Penggunaan Bahan Dokumen Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: PT Gramedia, t.t.), 144.
- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. 1997. *Peranan Masjid dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM).
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis* (Selangor: Universiti Putra Malaysia), 42.
- Utusan Malaysia. 2009. Masjid disaran ceburi bidang keusahawanan, Diakses daripada: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1019&pg=dn\\_07.htm&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&y=2009](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1019&pg=dn_07.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&y=2009)